



# GEREJA ST. ANTHONY

*St. Anthony's Church*

Jln Sultan Iskandar, P. O. Box 12,  
97007 Bintulu, Sarawak, Malaysia.  
Tel: 086-312184, 332141 Fax: 086-311259

民都魯聖安東尼聖堂

信箱：12號, 97007 民都魯, 砂羅越.

電話：086-312184, 332141

傳真：086-311259

Saudara dan saudari di dalam Kristus,

Saya pasti ramai di antara anda yang tahu siapakah Zakheus (Lukas 19:1-10). Dia adalah seorang pemungut cukai yang begitu teruja untuk bertemu Yesus yang ketika itu sedang melalui pekan di tempatnya. Memandangkan ketika itu terlalu ramai orang dan dia merupakan seorang yang bertubuh pendek, Zakheus tidak dapat melihat Yesus. Jadi, dia berlari dan memanjat pokok ara untuk melihat Yesus yang sedang melalui jalan itu. Apabila Yesus sampai ke tempat itu, Dia melihat ke atas dan berkata kepada nya, "Zakheus, segeralah turun, kerana hari ini aku harus menumpang di rumahMu." Lalu Zakheus segera turun dan menerima Yesus dengan sukacita. Walau dengan pelbagai rintangan dan cabaran, Zakheus menemui cara to bertemu Yesus pada hari itu dan kemudian Yesus berkata kepadanya, "Hari ini keselamatan telah datang ke rumah ini."

Hari ini, disebabkan oleh pandemik ini, kita berhadapan dengan pelbagai rintangan dan cabaran untuk berjumpa Yesus dan bertemu di antara satu sama lain. Kita masih belum boleh merayakan misa bersama-sama sebagai satu komuniti paroki di gereja-gereja kita. Kita masih belum boleh mengadakan Sekolah Minggu, RCIA, kelas pembaptisan, penguatan atau pra-perkahwinan. Semua aktiviti di dalam paroki digantung sehingga suatu masa di mana Bintulu akan bertukar kepada zon kuning atau hijau.

Sehubungan itu, paroki kita telah memutuskan untuk melanggan akaun zoom yang boleh digunakan oleh mana-mana kumpulan atau pelayanan di dalam paroki yang ingin berkumpul secara atas talian untuk pelbagai aktiviti paroki seperti perkongsian alkitab, cellgroup, doa rosari, doa kerahiman ilahi, kelas "online" (pembaptisan, penguatan, Komuni kudus pertama atau pra-perkahwinan), dan mesyuarat. Untuk keterangan lanjut, sila datang ke pejabat paroki dan tempah tarikh dan masa untuk menganjurkan mesyuarat zoom anda. Marilah kita terus berdoa dan saling memberi sokongan semasa keadaan yang sukar ini. Semoga Tuhan memberkati kita semua.

**Fr. Andy Lee**

St. Anthony's Church, Bintulu  
25 Februari 2021